

Takut tambah anak musim Covid-19

Faktor kewangan, situasi ekonomi tidak menentu bimbangkan ramai pasangan muda



RAMAI pasangan suami isteri terutamanya daripada golongan muda terpaksa menangguhkan impian mereka untuk memiliki atau menambah zuriat ekoran situasi ekonomi dan faktor kewangan yang tidak menentu sepanjang musim pandemik Covid-19.

Keputusan untuk merancang keluarga dibuat bagi mengelak daripada mereka terjebak dalam krisis kewangan keluarga yang boleh memberi kesan negatif kepada

kehidupan harian.

"Kadar pengangguran yang tinggi selain kenaikan harga barang menyebabkan pengurusan kewangan keluarga ketika musim pandemik kini menjadi lebih mencabar," kata Pakar Kewangan Pengguna dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri semalam.

Oleh SITI AMINAH MOHD YUSOF dan RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Faktor kewangan tidak stabil pada musim pandemik selain kluatir kehilangan mata pencarian atau pengurangan gaji mendorong pasangan suami isteri terutama daripada golongan muda untuk merancang keluarga.

Keputusan itu, sama ada untuk memiliki atau menambah zuriat terpaksa dilupakan lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi yang tidak menentu ekoran penularan Covid-19 ketika ini.

Pakar Kewangan Pengguna dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri berkata, situasi ekonomi tidak menentu dengan inflasi tinggi, kadar pengangguran meningkat di samping kenaikan harga barang telah menyebabkan pengurusan kewangan keluarga menjadi lebih mencabar.

"Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang tidak berpenghujung menyebabkan ketidaktentuan ekonomi walaupun kes harian menunjukkan sedikit penurunan.

"Justeru, merancang keluarga terutamanya dalam kalangan pasangan muda boleh membantu mereka untuk mengurangkan tekanan kewangan semasa pan-

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Pasangan perlu bijak merancang elak berdepan krisis kewangan dalam keluarga

Fikir dahulu sebelum tambah anak



PANDEMIK Covid-19 sejak setahun lalu mengakibatkan ramai pasangan di Malaysia memilih untuk merancang keluarga bagi mengelak daripada berdepan masalah kewangan. – GAMBAR HIASAN

demik," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, pasangan muda yang baharu berkeluarga misalnya, mempunyai komitmen perbelanjaan tinggi meliputi pembiayaan pinjaman pendidikan, kenderaan dan rumah ditambah faktor baharu melangkah ke alam pekerjaan.

Dalam hal ini katanya, perancangan kewangan perlu mengam-

bil kira pendidikan anak-anak dari peringkat rendah hingga peringkat tinggi, di samping menyediakan pelan insurans dan takaful sebagai perlindungan.

Katanya, kegagalan mengurus kewangan boleh mendorong pasangan tersebut menjadi mangsa skim penipuan online atau terlibat dalam pinjaman ah long.

Berdasarkan data Jabatan Pe-

rangkaan Malaysia pada November tahun lalu, penduduk Malaysia adalah seramai 32.69 juta orang dengan peningkatan 0.4 peratus berbanding tahun 2019 iaitu seramai 32.56 juta orang.

Jabatan sama turut memaklumkan, seramai 116,434 kelahiran direkodkan dalam tempoh berkenaan iaitu menurun sebanyak 5.9 peratus berbanding tahun

2019 dengan 123,751 kelahiran.

Dalam pada itu, Pakar Perubatan Keluarga, Universiti Sains Islam Malaysia, Dr. Sharifah Najwa Syed Mohamad berkata, ada yang menjadikan isu hamil semasa tempoh PKP sebagai jenaka, sedangkan perancangan keluarga amat penting dan perlu diberi keutamaan bagi setiap pasangan.

Beliau berkata, perancangan keluarga penting terutama selepas mengambil kira kesihatan ibu yang perlu bersedia dari segi mental, emosi dan fizikal di samping mewujudkan keluarga yang berkualiti dan sejahtera.

"Mengikut sudut pandangan Islam, ulama rata-ratanya membenarkan amalan berancang keluarga selagi tidak bercanggah dengan syarak," katanya.

Katanya, jika seorang ibu hamil dijangkiti Covid-19, risiko kelahiran pramatang dan kemiskinan ke unit rawatan rapi (ICU) adalah tinggi disebabkan risiko jangkitan yang lebih teruk.

"Jika ibu positif Covid-19 dan bayi negatif, ibu perlu ditahan di wad, manakala anak perlu balik ke rumah dan menjadi isu apabila anak tidak dapat disusukan dan perlu dijaga orang lain.

"Hal sebegini akan meningkatkan kerunsingan pada ibu dan dibimbangi pula akan meningkatkan kes kemurungan selepas bersalin," katanya.